

04/10/1998

Masa depan politik Zahid belum berakhir

MELAKA: Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tindakan Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletakkan jawatan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno, tidak bermakna masa depan beliau dalam politik sudah berakhir.

Sebaliknya, beliau berkata, kesediaan Zahid untuk turun ke bawah bagi memberikan penjelasan mengenai pelbagai isu semasa, termasuk isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim, menunjukkan beliau sudah dapat menerima keputusan parti.

Najib berkata, walaupun Zahid tidak lagi menjadi Ketua Pemuda, tenaga beliau masih diperlukan oleh parti, lebih-lebih lagi dalam usaha merapatkan semula perpaduan dalam Pergerakan Pemuda, sekali gus mengukuhkan lagi kekuatan parti.

Menurutnya, Zahid boleh membantu menjernihkan semula keadaan yang berlaku, terutama membabitkan penyokongnya yang berada dalam Pemuda serta terkeliru dengan gerakan reformasi yang dilancarkan Anwar.

"Saya yakin Zahid sudah tentu memikirkannya dengan begitu mendalam sebelum mengambil keputusan untuk melepaskan jawatan Ketua Pemuda ini.

"Oleh itu, saya beranggapan keputusan Zahid ini adalah satu pengorbanan besar kepada Pergerakan Pemuda supaya pergerakan itu dapat bergerak selari hasrat pucuk pimpinan Umno," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peletakan jawatan Zahid sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno kelmarin, iaitu dua hari selepas dibebaskan tanpa syarat daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa timbalan beliau tidak semestinya orang yang warak, Najib enggan mengulas perkara itu.

(END)